

07 JUN 2003

50 PERATUS SISWAZAH MENGANGGUR SERTAI SSL DAPAT KERJA

TUMPAT, 7 Jun (Bernama) -- Sebanyak 50 peratus daripada 35,000 siswazah menganggur yang menyertai Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) telah memperolehi pekerjaan tetap, kata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata SSL diperkenalkan pada November 2001 banyak memberi pengalaman kerja, kemahiran menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada siswazah menganggur.

"Mereka ditempatkan di jabatan dan agensi kerajaan selama tempoh enam bulan bagi menimba pengalaman kerja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan Pengkalan Kubor II di Pengkalan Kubor di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata peruntukan sebanyak RM300 juta bagi mengendalikan skim itu juga sudah habis dibelanjakan.

Pakej Ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas turut memperuntukkan RM100 juta kepada Kementerian Sumber Manusia untuk membantu golongan siswazah menganggur, katanya.

Menurutnya antara faktor siswazah sukar mendapat pekerjaan ialah mereka tiada pengalaman kerja, tidak mahir ICT dan kurang fasih berbahasa Inggeris.

"Belum pun tamat kursus SSL, ada peserta telah ditawarkan pekerjaan tetap terutamanya oleh sektor swasta," katanya sambil memberi jaminan kerajaan akan memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus mantap bagi membolehkan lebih banyak pekerjaan diwujudkan untuk rakyat.

--BERNAMA

BD NAK